


Berlaku peningkatan yang signifikan menerusi pelbagai inisiatif. Walau bagaimanapun, statistik yang gagal mendapat pekerjaan setara dengan latar pendidikan golongan bergelar “doktor” juga signifikan.

Kita pernah menasarkankan 100 ribu orang penduduk lulusan PhD pada tahun 2020 menerusi Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Namun begitu, jumlah ini dikurangkan kepada 60 ribu orang agar lebih realistik dan dapat dicapai menjelang tahun 2023 menerusi MyBrain15 – yang menyediakan pembiayaan pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran selaras dengan agenda: “Malaysia sebagai Pusat Perkembangan Pengetahuan dan Inovasi”. Malah, ijazah seperti Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA), Doktor Pendidikan (DEd), Doktor Sains (DSc) dan Doktor Kejuruteraan (DEng) turut dianggap setaraf dengan PhD.

Sehubungan dengan itu, universiti yang berstatus Universiti Program Pemacu untuk Kecemerlangan (APEX) dan yang bertaraf universiti penyelidikan, iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putera Malaysia (UPM), dan Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu menasarkankan sebanyak 75 peratus tenaga pengajar berkelayakan PhD, manakala bagi universiti lain pula perlu mencapai tahap 40 peratus. Program khas MyBrain15 telah dinobatkan sebagai satu daripada 21 agenda kritikal pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT). Program ini persis Projek 211 (China) serta Brain Korea 21 (Korea) yang antara lain bertujuan untuk memperbanyak golongan PhD.

MyBrain15 turut menawarkan pembiayaan pendidikan menerusi beberapa program penting termasuklah MyPhD, MyMaster,



Membanyakkan atau Melambakkan Pemegang Ijazah PhD?

IJAZAH doktor falsafah (PhD) merupakan sijil tertinggi dalam pendidikan formal. Abad ke-21 menyaksikan banyak negara membangun mengambil langkah serius dalam menghasilkan sebanyak mungkin pemegang ijazah PhD, termasuk Malaysia.

PhD Industri dan Skim Latihan Akademik Institut Pengajian Tinggi Awam (SLAI) sejak akhir tahun lepas. Objektif MyPhD misalnya adalah untuk meningkatkan jumlah kumpulan tenaga kerja profesional tempatan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi berteraskan inovasi dan kreativiti yang mampu menjana pertumbuhan sektor ekonomi dan industri tempatan.

Pemegang ijazah PhD dalam bidang teknologi dan kejuruteraan sering dikaitkan dengan paten dan

harta intelek. Paten merupakan satu penunjuk penting bagi pencapaian inovasi sesebuah negara sekali gus menjadi satu daripada penunjuk penting bagi pembangunan ekonomi, selain Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebagai penunjuk tipikal. Selain itu, peningkatan ilmu dalam kalangan sumber manusia dilihat kian mendesak akibat daripada perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Sasaran 60 ribu orang pemegang ijazah PhD pada 2020 kemudian dinilai kembali pada tahun 2016.

Jumlah sasaran yang diletakkan masih sama – 60 ribu orang – cuma tempohnya dilanjutkan kepada tahun 2023, bukannya tahun 2020. Seterusnya pada tahun 2018, tempohnya dilanjutkan lagi daripada tahun 2023 kepada tahun 2030.

Sememangnya wujud perdebatan antara realiti dengan fantasi dalam mencapai sasaran 60 ribu orang graduan ijazah PhD. Walau bagaimanapun, cabaran untuk mencapai sasaran ini bukan masalah utama buat golongan pemegang ijazah PhD yang sedang bergelut mencari pekerjaan. Mereka barangkali semakin kacau-bilau apabila sukar menemukan pekerjaan yang setara dengan ijazah PhD yang dimiliki.

Media baru-baru ini melaporkan bahawa kira-kira 679 orang pemegang ijazah PhD menjadi antara pencari kerja aktif yang bergelut mencari pekerjaan menerusi portal JobsMalaysia. Turut dikongsikan kesukaran mendapatkan pekerjaan apabila pihak majikan mendapati golongan ini sebagai “terlebih layak” untuk pekerjaan yang ditawarkan. Oleh sebab itu, dalam kalangan pemegang ijazah PhD ini ada yang bekerja sebagai penghantar makanan. Pernah juga disiarkan dalam media Singapura tentang pemegang ijazah PhD bertugas sebagai pemandu teksis suatu masa dahulu.

Isu “pergelutan” ini bukanlah isu baharu. Hal ini sudah lama berlaku khususnya di negara maju. Ada yang bekerja sepenuh masa di restoran makanan segera sambil terpaksa mengubah sedikit profil peribadi, khususnya dalam dunia siber, yang beliau sebenarnya pemegang ijazah PhD!

Pada tahun 2010, ahli ekonomi terkenal, Richard B. Freeman pernah meramalkan bahawa hanya 20 peratus pemegang ijazah PhD dalam bidang sains hayat yang berjaya mendapatkan pekerjaan di universiti di Amerika Syarikat (AS). Royal Society di United Kingdom (UK)

pada tahun 2010 melaporkan bahawa hanya tujuh daripada 200 orang yang berjaya menamatkan PhD mendapat jawatan tetap dalam dunia akademik, manakala hanya seorang yang akan menjadi profesor.

Laporan Biro Statistik Buruh AS pada tahun 2018 bagaimanapun menyatakan bahawa pemegang ijazah PhD paling kurang berisiko untuk menganggur jika dibandingkan dengan tahap pendidikan formal lain yang lebih rendah. Lulusan diploma sekolah tinggi mempunyai kadar pengangguran 4.1 peratus sehingga 5.6 peratus, diikuti dengan ijazah sarjana muda (2.2 peratus), ijazah sarjana (2.1 peratus), ijazah kedoktoran (1.6 peratus) dan ijazah profesional (1.5 peratus). Di Malaysia, kadar pengangguran yang jauh lebih tinggi dalam kalangan pemegang ijazah sarjana muda berbanding dengan pemegang ijazah PhD adalah suatu realiti. Barangkali kajian empirikal mengenai pemegang ijazah PhD yang menganggur di negara ini belum penulis temui.

Apa-apa pun, di universiti kini, ketua projek geran penyelidikan semakin sukar mendapatkan pelajar sepenuh masa pada peringkat pengajian sarjana dan kedoktoran. Adakah semakin ramai yang enggan menyambung pelajaran secara sepenuh masa (walaupun pada masa yang sama, ramai yang menyambung pelajaran kerana sukar mendapatkan pekerjaan)? Adakah yang enggan menyambung pelajaran ini hanya melibatkan program dan fakulti tertentu? Semua persoalan ini hanya akan terjawab melalui kajian secara holistik.

Kita terpaksa menanggung kerugian sekiranya golongan pemegang ijazah PhD ini tidak dimanfaatkan kepakaran mereka dalam bidang R&D&C termasuklah dalam penghasilan harta intelek. Pihak industri terutamanya dalam kalangan syarikat korporat mungkin wajar disyaratkan untuk menawarkan

jawatan khas kepada pemegang ijazah kedoktoran. Mereka diharapkan mampu melonjakkan inovasi. Namun begitu, jika inovasi sudah memadai tanpa golongan PhD, maka pemburuan angka 60 ribu sudah tidak relevan lagi.

Tidak dapat dinafikan bahawa syarikat korporat multinasional yang melabur di negara ini lebih banyak bergantung pada kumpulan penyelidik di negara mereka sendiri. Di sini, mereka hanya perlukan jurutera, juruteknik, dan pekerja separuh mahir, manakala yang memiliki ijazah PhD tidak diperlukan. Nature Index 2018 melaporkan bahawa negara terbaik dalam menjalankan penyelidikan saintifik di persada dunia ialah AS, China, Jerman, UK dan Jepun.

Oleh itu, polisi dan penguatkuasaan adalah satu daripada jalan penyelesaian bagi kemelut ini, diiringi dengan mentaliti kita di pelbagai peringkat dalam merancang pembangunan negara, serta tidak hanya fokus kepada industri hiliran dan mengetepikan industri hiliran. Peningkatan pelaburan dari luar bukan sahaja penting dalam peningkatan peluang “pekerjaan berpendapatan tinggi”, bahkan untuk “pekerjaan berkelayakan tertinggi”.

Perbelanjaan untuk R&D&C di negara ini sekitar 1.3 peratus daripada KDNK; manakala China dan Singapura melebihi 2 peratus; Jepun (3.6 peratus); dan Korea (4.5 peratus). Menurut laporan Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Israel (4.4 peratus) mencatatkan nisbah penyelidik tertinggi di dunia, iaitu sebanyak sekitar 8000 orang terhadap satu juta orang penduduk. Kemasukan buruh tidak mahir terutama pendatang asing tanpa izin secara beramai-ramai yang tidak dikawal hanya merencatkan proses R&D&C di negara ini. □